



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

29 Mac 2020

1. Pada hari ini, 04 Syaban 1441 bersamaan 29 Mac 2020, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai **6 lagi kes baru** yang telah disahkan COVID-19 di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes di negara ini ialah 126 orang.**

- Kes 121 berumur 21 tahun adalah seorang warga tempatan yang telah menghadirkan diri untuk menjalani ujian makmal bagi COVID-19 di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pada 27 Mac 2020. Kes ini masih lagi dalam penyiasatan.
- Kes 122 berumur 67 tahun adalah suami kepada Kes 116. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan telah mula mengalami batuk pada 23 Mac 2020.

- Kes 123 berumur 19 tahun telah pulang ke negara ini dari Melbourne, Australia pada 19 Mac 2020 dengan menaiki pesawat Royal Brunei BI006 (tempat duduk 30A). Beliau telah mula mengalami sakit tekak pada 19 Mac 2020.
- Kes 124 berumur 30 tahun ialah isteri kepada Kes 120. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negeri dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
- Kes 125 berumur 51 tahun telah pulang ke negara ini selepas melancong bersama keluarganya ke Thailand dengan menaiki pesawat Royal Brunei BI514 (tempat duduk 34A) pada 21 Mac 2020. Beliau telah mula mengalami sakit kepala, batuk, sengal badan dan selsema pada 23 Mac 2020.
- Kes 126 berumur 31 tahun telah pergi melancong ke Austria pada 7 Mac 2020 dan pulang ke negara ini melalui London dengan menaiki pesawat Royal Brunei BI004 (tempat duduk 40D) pada 15 Mac 2020. Beliau telah membuat pengasingan diri sebaik saja tiba ke negara ini dan telah mula mengalami sakit kepala dan sakit tekak pada 17 Mac 2020.

2. Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, pada hari ini **9 lagi kes** yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan telah disahkan sembahuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, membawa **Jumlah keseluruhan yang telah sembahuh kepada 34 orang**. Ini bermakna terdapat 91 kes yang masih dirawat di Pusat berkenaan. Pada hari ini, dua kes masih berada dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin pernafasan di Unit Rawatan Intensif di Pusat tersebut. Manakala, tiga orang lagi memerlukan pemantauan rapi dan selebihnya dalam keadaan yang baik.
3. Sementara itu, pada masa ini, seramai 917 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Manakala seramai 1,298 orang lagi telah menamatkan tempoh kurantin dan dalam keadaan yang baik. Sejak awal Januari 2020, sebanyak 5,656 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan.
4. Untuk pengetahuan orang ramai, penyakit COVID-19 yang melanda di negara ini, statistik menunjukkan kebanyakan kes-kes positif yang dikesan adalah tidak menunjukkan sebarang simptom (46%). Di kalangan mereka yang mempunyai simptom, majoriti mempunyai tanda-tanda seperti batuk, demam panas, selsema, sakit kepala, sakit leher, dingin, lemah dan sakit badan. Manakala, kebanyakkan metodologi jangkitan COVID-19

yang dikesan di negara ini adalah melalui kes-kes yang diimport (*imported cases*) dan melalui kontek-kontek kes terdekat (*local close contact*). Sementara itu, daripada jumlah kes COVID-19, bilangan lelaki yang dijangkiti adalah 77 orang dan bilangan perempuan adalah seramai 49 orang.

5. Seterusnya, Kementerian Kesihatan ingin sekali lagi menekankan betapa pentingnya untuk semua pihak, termasuk orang ramai terus sama-sama meneruskan langkah-langkah kewaspadaan serta tidak leka dan lalai dengan amalan-amalan kebersihan diri dan penjarakkan sosial atau fizikal (*social or physical distancing*), sebagaimana yang telah dinasihatkan sebelum ini. Dalam masa yang sama, Kementerian Kesihatan juga ingin mengingatkan kepada sesiapa yang telah diberi kebenaran untuk menjalani pengasingan diri di rumah untuk mematuhi garispanduan pengasingan diri seperti sentiasa berada di dalam bilik dan tidak bergaul dengan ahli keluarga yang lain, di samping tidak keluar dari rumah. Ini adalah untuk mengelakkan risiko jangkitan kepada ahli keluarga lain sekiranya individu berkenaan didapati positif COVID-19.

6. Alhamdulillah, salah satu kes yang didapati positif adalah hasil aplikasi *Covid-19 Self-Assesment Tool* melalui **healthinfo.gov.bn**. sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II baru-baru ini.

Kementerian Kesihatan juga ingin menyarankan agar orang ramai untuk menggunakan aplikasi *Covid-19 Self-Assessment Tool* berkenaan bagi Kementerian Kesihatan memantau serta menilai keadaan Covid-19 di negara ini di samping membantu dalam membuat perancangan dalam menangani situasi COVID-19.

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa) atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.
8. Dalam kesempatan ini, Kementerian Kesihatan juga ingin merakamkan penghargaan di atas usaha semua pihak dalam mematuhi saranansaranan dan nasihat-nasihat yang telah diberikan. Ini telah sedikit sebanyak membantu usaha pihak Kerajaan mengawal wabak ini. Kementerian Kesihatan juga ingin sekali lagi merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua agensi dan sukarelawan yang telah banyak membantu setakat ini. Ini termasuklah ahli-ahli barisan hadapan (*frontliners*) lain seperti Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, *Aircrew* Penerbangan Royal Brunei, Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam, pengendali talian kesihatan 148 serta sukarelawan-sukarelawan dari pelbagai agensi, seperti Kementerian Kebudayaan, Belia

dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dan persatuan-persatuan bukan kerajaan yang telah sama-sama bertungkus-lumus bagi mengawal wabak COVID-19 di negara ini.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 04 Syaaban 1441H / 29 Mac 2020